

# Najib gagal singkir Sri Ram

## Mahkamah Persekutuan tolak rayuan Najib


SITI AZIELAH WAHI

**B**ekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak gagal menggugurkan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Gopal Sri Ram yang dilantik sebagai Pendakwa Raya untuk mengendalikan perbicaraan semua kes berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapinya. Panel tujuh hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Ketua Hakim Negara, Datuk

Tengku Maimun Tuan Mat sebulat suara mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan Najib selepas mendapati permohonan itu tidak bermerit.

Bagaimanapun, korum itu bersetuju dengan permohonan Najib supaya pihak pendakwaan mengemukakan surat lantikan Sri Ram sebagai Pendakwa Raya dalam kes-kes berkaitan 1MDB kerana tiada keterangan menunjukkan dokumen pelantikan itu diklasifikasikan sebagai Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Korum itu turut dianggotai Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Azahar Mohamed; Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Seri David Wong Dak Wah dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Rohana Yusof; Da-




NAJIB

tuk Mohd Zawawi Salleh, Datuk Abang Iskandar Abang Hashim serta Tan Sri Idrus Harun.

Dalam penghakimannya, Tengku Maimun berkata, tiada sebarang pengesahan menunjukkan surat pelantikan Sri Ram diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

Menurutnya, kes tersebut berbeza jika dibandingkan dengan pelantikan



SRI RAM

peguam Sulaiman Abdullah yang berjaya digugurkan selepas dilantik mengendalikan kes SRC International Sdn Bhd.

Sri Ram dan Sulaiman dilantik Peguam Negara, Tommy Thomas sebagai Timbalan Pendakwa Raya dalam kes 1MDB dan SRC International tahun lalu.

Sementara itu ketika ditemui di luar mahkamah, Tan Sri Muhammad Sha-

fee Abdullah berkata, sekiranya pihak pendakwaan menyerahkan surat pelantikan itu kepada mereka, permohonan untuk mencabar lantikan Sri Ram lebih mudah.

Menurutnya, pihaknya akan meneliti surat lantikan itu dan akan memikirkan tindakan lain yang akan diambil bagi meneruskan usaha mereka menggugurkan pelantikan Sri Ram.

Najib, 66, merayu keputusan Mahkamah Rayuan pada 7 Mei lalu yang menolak rayuannya supaya Sri Ram digugurkan daripada mengendalikan kes 1MDB selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonannya pada 1 Mac lalu.

Ahli Parlimen Pekan itu menghadapi empat pertuduhan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membatikan dana 1MDB berjumlah RM2.28 bilion.

Perbicaraan kes empat tuduhan rasuah dan 21 tuduhan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram (AMLA) berhubung 1MDB akan diteruskan pada 19 Ogos ini.

Najib juga menghadapi tuduhan pecah amanah wang 1MDB bersama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berjumlah RM6,636,065,000 dan pendakwaan kes itu juga dikendalikan oleh Sri Ram.

Selain itu Najib juga didakwa bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berhubung pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB.